

Sila baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Takaful myHome Solar. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

Produk ini menyediakan perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan pada sistem solar Fotovoltaic (*Photovoltaic, PV*) anda yang dipasang di bumbung rumah kediaman persendirian, atau mana-mana bahagiannya yang digunakan khusus untuk tujuan kediaman.

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Produk ini menggunakan konsep Syariah berikut:

- a. **Hibah** merujuk kepada pemindahan hak milik atas satu aset dari penderma kepada penerima tanpa sebarang pertimbangan. Di bawah produk ini, manfaat yang dibayar dari Dana Takaful Am (“DTA”) adalah berdasarkan Hibah.
- b. **Ju’alah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada pihak lain yang berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan. Di bawah produk ini, peserta membenarkan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad (“Kami”, atau “Takaful Malaysia”) untuk menerima sebahagian daripada lebihan boleh agih daripada DTA sebagai insentif prestasi atas pencapaian Takaful Malaysia dalam menguruskan DTA yang menghasilkan lebihan tersebut.
- c. **Qard** merujuk kepada kontrak pemberian pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam itu perlu membayar balik jumlah yang setara kepada pemberi pinjaman. Di bawah produk ini, Takaful Malaysia akan meminjamkan sejumlah wang kepada DTA tanpa faedah sekiranya DTA mengalami defisit.
- d. **Tabarru’** bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Di bawah produk ini, peserta menderma sebahagian sumbangan kepada DTA untuk membantu peserta lain. Tabarru’ berkuat kuasa apabila peserta menyumbang kepada DTA.
- e. **Wakalah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah. Di bawah produk ini, peserta memberi kuasa kepada Takaful Malaysia untuk menguruskan DTA dan sebagai balasannya, Takaful Malaysia akan menerima yuran Wakalah.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

a. Semua Risiko

Takaful myHome Solar menyediakan perlindungan semua risiko yang menyeluruh terhadap kerugian atau kerosakan pada sistem solar *PV* anda yang disebabkan kemalangan, kecurian sepenuhnya, kebakaran dan/atau kilat atau sebarang musibah lain kecuali yang termasuk dalam pengecualian yang dinyatakan.

Kejadian yang dilindungi adalah seperti berikut:

1. Kebakaran dan/atau Kilat;
2. Kerosakan Secara Tidak Sengaja;
3. Kecurian dengan kemasukan atau keluar secara paksa dan ganas;
4. Letupan;
5. Rusuhan, Mogok dan Kerosakan Akibat Niat Jahat;
6. Pesawat dan Peranti Udara Lain dan/atau Barang yang Terjatuh Daripadanya;
7. Gempa Bumi, Letusan Gunung Berapi;
8. Ribut dan Taufan;
9. Banjir;
10. Kebocoran atau Limpahan Tangki Air Domestik, Peralatan atau Paip;
11. Kerosakan Hentaman;
12. Kerosakan oleh Pokok yang Tumbang atau Dahan;
13. Tanah Mendap dan Gelinciran tanah.

b. Kehilangan Penjimatan Elektrik

Takaful myHome Solar menyediakan pampasan untuk kehilangan penjimatan elektrik akibat daripada kerugian atau kerosakan pada sistem solar *PV* anda yang disebabkan oleh kejadian yang dilindungi seperti yang dinyatakan di atas dalam Seksyen 3 (a) Semua Risiko, di bawah program Pemeteran Tenaga Bersih (*Net Energy Metering, NEM*).

c. Liabiliti Awam

Takaful myHome Solar memberikan ganti rugi kepada anda terhadap liabiliti undang-undang berkaitan kecederaan badan atau penyakit, atau kerugian atau kerosakan harta benda pihak ketiga, yang disebabkan oleh pemasangan sistem solar PV anda.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ([TIPS](#) PIDM atau hubungi Takaful Malaysia atau PIDM (laiari www.pidm.gov.my/my).

4. Berapakah jumlah sumbangan yang saya perlu bayar?

Jumlah sumbangan yang perlu anda bayar bergantung kepada kelas pembinaan bangunan anda dan pelan yang dipilih.

Terdapat lima (5) pelan untuk anda pilih.

No.	Manfaat	Jumlah Perlindungan (RM)				
		Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5
1.	Semua Risiko	20,000	40,000	60,000	80,000	100,000
2.	Kehilangan Penjimatan Elektrik - Sebulan - Sehingga 6 bulan (Lebihan masa 24 jam)	600 3,600	800 4,800	1,000 6,000	1,200 7,200	1,500 9,000
3.	Liabiliti Awam	50,000	50,000	50,000	50,000	50,000
Jumlah Sumbangan (RM)*						
Pembinaan Kelas 1		119.10	190.35	288.65	397.70	520.85
Pembinaan Kelas 2		135.30	250.85	377.20	515.45	688.80

*termasuk cukai perkhidmatan 8% dan duti setem RM10

Nota:

- Tempoh perlindungan adalah untuk satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui sijil anda setiap tahun.
- Takaful Malaysia melindungi sistem solar PV anda sehingga 10 tahun dari tarikh pemasangan.
- Pembinaan bangunan adalah diklasifikasikan sebagai Kelas 1A, 1B, atau 2.

Kelas Pembinaan 1A – Dinding Luaran / Bumbung	<ul style="list-style-type: none"> - Dibina sepenuhnya daripada batu bata. - Dibina sepenuhnya daripada bahan yang tidak mudah terbakar.
Kelas Pembinaan 1B – Dinding Luaran / Bumbung	<ul style="list-style-type: none"> - Dinding sebahagian daripada bata/konkrit. - Sebahagian dibina dengan bahan yang tidak mudah terbakar.
Kelas Pembinaan 2 – Dinding Luaran / Bumbung	<ul style="list-style-type: none"> - Dinding sebahagian daripada batu bata/konkrit atau gudang terbuka dengan tiang yang tidak mudah terbakar/gudang terbuka dengan dinding yang dibina daripada bahan tidak mudah terbakar dan dengan tiang yang tidak mudah terbakar. - Lapisan luar sepenuhnya diperbuat daripada bahan tidak mudah terbakar.

- Sila rujuk kepada sijil untuk maklumat lanjut tentang perlindungan di atas.

Semua sumbangan akan tertakluk pada caj atau cukai yang berkaitan seperti yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk menyimpan sebarang resit yang diterima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

5. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

Jenis	Amaun
Yuran Wakalah	60% daripada jumlah sumbangan yang mana: (contoh: sumbangan kasar ialah RM110.28 untuk Pelan 1 x 60% = RM66.17) - Komisen —25% - Perbelanjaan Lain – 35%
Duti Setem	RM10
Cukai Perkhidmatan	8% daripada sumbangan dibayar

6. Apakah sebahagian daripada terma dan syarat penting yang patut saya ketahui?

Antara terma dan syarat utama yang perlu anda tahu ialah;

a. **Tanggungjawab Pendedahan**

Kontrak Takaful Pengguna

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat pernyataan yang salah dalam menjawab soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon Takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan dalam Borang Cadangan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan berkenaan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon Takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan Takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Kontrak Takaful Komersial

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon Takaful ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak Takaful, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan Takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

b. **Perubahan Risiko** – anda mesti memaklumkan kepada kami atau ejen anda secara bertulis terhadap sebarang perubahan penting yang berlaku sepanjang tempoh sijil supaya pindaan yang wajar akan disahkan ke dalam sijil anda.

c. **Tanggungjawab Peserta** - anda mesti mengambil semua langkah berjaga-jaga untuk keselamatan harta yang dilindungi.

d. Anda mesti memastikan bahawa jumlah perlindungan adalah sekurang-kurangnya lapan puluh lima peratus (85%) daripada kos sebenar berdasarkan nilai penggantian di mana kami akan mengembalikan, memperbaiki atau mengganti kerugian atau kerosakan harta tanpa sebarang tolakan dibuat bagi haus dan lusuh atau susut nilai dengan syarat jumlah perlindungan mencukupi untuk melindungi kos penggantian.

e. Anda dinasihatkan untuk membayar sumbangan kepadak kami sama ada secara tunai, kad kredit, kad debit, pembayaran elektronik lain, atau cek, (cek hendaklah dikeluarkan atas nama Takaful Malaysia sahaja).

f. **Tuntutan** - Notis bertulis tentang sebarang kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Takaful Malaysia secepat mungkin dan dalam apa jua keadaan tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari dari tarikh kemalangan yang menyebabkan kerosakan atau kerugian tersebut.

g. **Waranti Sumbangan Takaful** - Sumbangan yang perlu dibayar kepada Takaful Malaysia mesti dibayar dan diterima oleh Takaful Malaysia dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh berkuat kuasa. Sekiranya syarat

ini tidak dipatuhi, sijil ini akan dibatalkan secara automatik dan Takaful Malaysia berhak untuk menerima sumbangan secara pro-rata bagi tempoh Takaful Malaysia menyediakan perlindungan tersebut.

7. Apakah pengecualian utama bagi produk ini?

Produk ini tidak melindungi kerugian tertentu, seperti:

- a. Kehilangan atau kerosakan di mana pengeluar peralatan asal, pembekal, kontraktor atau pembaike yang bertanggungjawab sama ada mengikut undang-undang atau kontrak;
- b. Haus dan lusuh, kemerosotan, susut nilai, sebarang proses pembersihan/pewarnaan, pumbaikan atau pemulihian;
- c. Kerosakan atau kecacatan mekanikal;
- d. Peperangan, pencerobohan, serangan musuh asing, permusuhan atau sebarang tindakan ke ganasan;
- e. Senjata nuklear atau pengionan radiasi atau pencemaran;
- f. Kerugian atau kerosakan berbangkit daripada apa jua keadaan; dan/atau
- g. Sebarang kejadian lain yang dilarang oleh prinsip Syariah;

Nota:

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil untuk senarai terma dan syarat yang lengkap bagi produk ini.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda layak menerima sebahagian bayaran balik sumbangan dengan syarat anda tidak pernah membuat sebarang tuntutan semasa dalam Tempoh Takaful.

9. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menjurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

10. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan Takaful myHome Solar, anda boleh menghubungi kami atau mana-mana cawangan atau ejen kami atau layari laman web kami di www.takaful-malaysia.com.my/.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Unit Khidmat Pelanggan (CSU)

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [201701032316 (1246486-D)],

Tingkat 27, Blok Annex,

Menara Takaful Malaysia,

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,

50000 Kuala Lumpur.

Peti Surat 11483,

50746 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300 88 252 385

Faks: 603 - 2274 0237

E-mel: csu@takaful-malaysia.com.my

Laman Web: www.takaful-malaysia.com.my/

NOTA PENTING:

ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL SERTA BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI KAMI SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [No. Pendaftaran: 201701032316 (1246486-D)] adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan di dalam Helaian Penerangan Produk ini adalah sah pada Ogos 2025.